



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMMAD SANUSI BIN MOHAMMAD
TOKOH PENGUSAHA SNS BATIK**

OLEH:

LUKMAN HAKIM BIN ZUHARI (2019627696)

MUHAMMAD ZULHILMI BIN RAZALI (2019423342)

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARY 2022)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMMAD SANUSI BIN MOHAMMAD
TOKOH PENGUSAHA SNS BATIK**

OLEH:

LUKMAN HAKIM BIN ZUHARI (2019627696)

MUHAMMAD ZULHILMI BIN RAZALI (2019423342)

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARY 2022)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugas bagi subjek “Oral Documentation (IMR604)” iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses menyiapkan tugas ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sesi temu bual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai seorang pelajar. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya. Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Hamzah Bin Othman kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi perjalanan beliau semasa bergelar seorang pendidik sehingga berjaya dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2018. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan kejayaan yang diperolehi mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat di luar sana. Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugas ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan berkongsi pendapat mengenai Projek Sejarah Lisan ini. Kami mengakui bahawa dua pihak ini memberikan kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Akhirnya, kami sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Seseungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlasnya menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara seorang tokoh batik dan pelajar berkenaan sejarah lisan berkaitan tajuk warisan. Batik merupakan salah satu jenis kain yang dihasilkan menggunakan proses menerap lilin cair dan mencelup warna. Kajian yang dilaksanakan ini menceritakan tentang latar belakang dan sejarah hidup seorang tokoh batik di negeri Kelantan iaitu Encik Mohamad Sanusi bin Mohamed. Beliau merupakan pengusaha batik bagi syarikat beliau sendiri iaitu SNS Batek di Kampung Kor, Kota Bharu, Kelantan. Pengenalan mengenai bidang yang diceburi tokoh dibincangkan dalam satu sesi temubual. Tujuan kajian lisan ini dijalankan bagi mendokumentasikan kisah hidup dan pengalaman seorang tokoh pencanting batik, pencapaian dan pendapat beliau tentang seni warisan batik pada zaman moden ini. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temubual secara atas talian melalui platform "Google Meet" dan pelbagai soalan telah diajukan berkaitan tajuk kepada tokoh. Secara kasarnya, bidang penghasilan batik ini kian dilupakan oleh masyarakat yang lebih menyukai fesyen terkini dan moden. Masalah ini berlaku apabila kurangnya kesedaran tentang seni batik dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, temubual ini akan merungkai pelbagai faktor yang menyebabkan batik ini sangat bernilai dan bagaiman ia mula dilupakan.*

Kata kunci: *Batik, menerap lilin, mencelup warna, moden, seni*

Abstract: *This interview is between a batik figure and a student on oral history related to heritage topics. Batik is one type of fabric that is produced using the process of applying liquid wax and dyeing colors. This study tells about the background and life history of a batik figure in the state of Kelantan, namely Encik Mohamad Sanusi bin Mohamed. He is a batik entrepreneur for his own company, SNS Batek in Kampung Kor, Kota Bharu, Kelantan. An introduction to the field in which the figure is engaged is discussed in an interview session. The purpose of this study is to document the life story and experience of a batik weaver, his achievements, and opinions on the art of batik heritage in modern times. This study was conducted using the method of online interviews through the platform "Google Meet" and various questions were submitted related to the title to the figure. Roughly speaking, this field of batik production can be forgotten by people who prefer the latest and modern fashion. This problem occurs when there is a lack of awareness about batik art among the community. Therefore, this interview will unravel the various factors that make this batik very valuable and memorable.*

Keywords: *Batik, applying wax, dyeing color, modern, art*

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
BIODATA TOKOH.....	v
PENGENALAN.....	1
TRANSKRIP	3
BAHAGIAN PENGENALAN.....	4
BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN	8
BAHAGIAN C: KERJAYA TOKOH.....	9
BAHAGIAN D: MENGENAI BIDANG SENI WARISAN BATIK	11
BAHAGIAN E: PENGLIBATAN TOKOH DALAM WARISAN BATIK	13
BAHAGIAN F: PENCAPAIAN TOKOH	16
BAHAGIAN G: PENDAPAT DAN NASIHAT TOKOH.....	24
LAMPIRAN.....	30
LOG WAWANCARA	31
DIARI KAJIAN	41
SENARAI SOALAN	42
SENARAI GAMBAR	47
GAMBAR	48
SURAT PERJANJIAN.....	51

BIODATA TOKOH



Nama: Mohammad Sanusi bin Mohammad

Umur: 57 tahun

Tarikh Lahir: 7 Januari 1965

Tempat Lahir: Hospital Kelantan

Nombor Telefon: 0145490625

Alamat: Lot 866 Kg Kor Batu 8 1/4, Jalan Kuala Kra, 16010, Kota Bharu, Kelantan

Kerjaya: Pengusaha Batik

Nama Isteri: Roslina binti Mohamad Ariffin

Pendidikan:

- Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan Kor, Kota Bharu (Darjah 1-6)
- Sekolah Menengah Menengah Kadok, Kelantan (Tingkatan 1-3)
- Maktab Kadir Adabi Kota Bharu

PENGENALAN

PENGENALAN

Kami telah diberi tugas daripada pensyarah kami iaitu Puan Kamariah binti Chik untuk membuat kajian dan mencari tokoh seniman yang terlibat dengan seni warisan. Oleh itu, tugas ini adalah wajib untuk kami laksanakan sebagaimana ia merupakan tugas bagi memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation. Selain itu juga, tugas ini meliputi dari segi menemubual tokoh dan transkripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis atau dalam kata lain ialah sejarah lisan. Sepertimana yang diketahui, maksud sejarah lisan boleh diketengahkan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh hal yang demikian, untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat yang dicari, kami memilih Encik Sanusi bin Mohammad sebagai tokoh yang ingin ditemubual untuk menjayakan tugas kami ini. Beliau seorang tokoh Batik yang terkenal di Kelantan dan mempunyai pengalaman dalam menghasilkan batik selama lebih 10 tahun. Beliau juga mempunyai pengalaman selaku juri di UiTM Machang dan mengajar pelajar Fakulti Seni berkaitan batik. Oleh itu, pengalaman yang dimiliki oleh beliau membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau dan mendapatkan tips-tips untuk menjadi seorang tokoh Batik yang berjaya. Jadi, tugas sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini mempunyai kepentingan yang berharga kerana sejarah kehidupan dan pencapaian beliau dapat dijadikan inspirasi kepada semua orang, terutamanya kepada generasi yang akan datang agar lebih menghargai seni Batik.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman dan temubual ini mengisahkan tentang kehidupan, anugerah, dan sumbangan Encik Mohammad Sanusi bin Mohammad dimana beliau merupakan pengusaha SNS Batik yang berkelana di Kelantan. Rakaman dan temubual ini telah dijalankan pada 15 November 2021 pada jam 12.00 tengah hari sehingga 3.00 petang. Temubual ini dikendalikan oleh Lukman Hakim bin Zuhari. Berikut adalah hasil rakaman dan temubual yang berjaya dilaksanakan.

Petunjuk:

Encik Mohammad Sanusi bin Mohammad	S
Lukman Hakim bin Zuhari	L

BAHAGIAN PENGENALAN

L: Okey Assalamualaikum

S: Waalaikummusalam

L: Nama saya Lukman Hakim Bin Zuhari dan kawan saya iaitu Muhammad Zulhilmi bin Razali yang tidak dapat hadir pada sesi interview [temubual] kali ini kerana beliau berada di luar Kawasan-- Kami wakil daripada UiTM (Universiti Teknologi MARA) Machang ingin membuat satu sesi interview [temubual] ataupun temubual bersama pengusaha SNS Batik iaitu Encik Sanusi. Di sebelah saya ni (ini) merupakan Encik Sanusi dan beliau merupakan pengasas SNS Batik dan pakcik sihat harini? (Hari Ini)

S: Sihat-sihat

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

- L: Okey boleh ko [Ke] pakcik cerito [cerita] sikit latar belake [belakang] pakcik kepada kami. Mace [macam] nama penuh, nama panggile [panggilan], tarikh lahir, tempat lahir pastu (selepas itu) status dan sebagainya.**
- S: Nama saya Mohammad Sanusi bin Mohammad--. Lahir pada tahun 1965-- dan saya sebagai pengusaha batik saya mula-mula tu (itu)--(sambil memandang Lukman)**
- L: Ya, nak tanya pakcik-- mana pakcik dibesarkei? [dibesarkan]**
- S: Saya dibesarkan di Kampung Kor, tempat asal**
- L: Oh, okey nak tanya pakcik ada berapa adik beradik dulu?**
- S: 10 ore [orang] adik-beradik.**
- L: 10 ore [orang] okay nak tanya nama isteri pakcik nama gapo? [apa]**
- S: Roslina Binti Mohammad Ariffin dan dia seorang suri rumah biasa.**
- L: Okey nak tanya jugak [juga] pakcik ado [ada] berapa ore [orang] anak?**
- S: 5 ore. [orang]**
- L: Okey masa kecik [kecil] dulu gapo [apa] cita-cita pakcik dulu sebelum menyertai bide [bidang] ni? (ini).**

S: Masa-masa dulu saya belajar sampai tingkatan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) (Lukman menggaru kepala) dan saya boleh ia pelajaran tu (itu) bagus la dapat gred 2 dale [dalam] SPN (SPM) pastu (selepas itu) saya sambung pelajare [pelajaran] STPM cuma hoktu [yang itu] tok [tak] hanya mampu sekadar untuk mintak [minta] kerja je [sahaja], saya pernah mintak [minta] kerja dengan pihak kerajaan contohnya guru, inspektor polih [polis], penguatkuasa JPJ, tapi semuanya takde [tiada] hasil, jadi saya pun terpaksa bekerja sebagai jaga (Guard) pengawal keselamate [keselamatan] di Hankyu Jaya-- Selepas itu semasa saya kerja di Hankyu Jaya tu kawan-kawan lama contohnya DZ, Saleem Aziz pergi jumpa saya--. Daripada situlah saya ada semangat untuk menceburi dalam bidang batik ni (ini), apabila saya menceburi dalam bidang batik ni (ini), saya pun boleh tau (tahu) dengan batik ni (ini) saya mendapat income [pendapatan] yang lebih daripada buat kijo [kerja] lain. Apabila saya-- meneruskei [meneruskan] pengusaha batik ini saya ada cita-cita saya kalu [kalua] boleh nok [nak] biar saya ni (ini) seperti kawan-kawan saya contohnya Saleem Aziz, DZ, daripada situlah saya berusaha- berusaha akhirnya dengan pertolonge [pertolongan] kawan saya ni (ini) saya boleh maju, daripada rumoh [rumah] daripada bengkel kecil [kecil] hanya kecil-kecil saya buat hanya kecil-kecilan dan dari segi pasare [pasaran] untuk kawan-kawan saya untuk Saleem Aziz, untuk DZ, hanya disitu lah bermulanya daripada di situ saya berusaha bagaimana kita nak capai biar tahap lebih-lebih maju lagi, daripada situ saya berharap untuk mencari pendapate [pendapatan] yang lebih dan saya mencari godio [apa dia] dari segi juale [jualan] jadi saya terpaksa lebih la pengalame [pengalaman] tu jadi dari situ lah saya belajar-belajar, jadi apabila saya sapa [sampai] tahap pengalame [pengalaman] pun ada, barulah saya buat dengan lebih-lebih banyak lagi dan sekarang saya boleh hasil pendapatan yang lagi tinggi dan dari pasare [pasaran] saya boleh hantar seluruh Malaysia (Lukman mengganguk) dan saya jugak [juga]

membuat kerjasama dengan UiTM contohnya di Mache [Machang] pun saya buat, di UMK (Universiti Malaysia Kelantan) pun saya buat, kerjasama dengan pejabat jabatan Penjara Malaysia pun saya buat kerja sama, dengan jabatan ore [orang] Asli, dengan projek kawal syarikat. Daripada sinilah pengalame [pengalaman] saya tu (itu) lebih dan saya boleh (sambil menggerakkan tangan) memberi kerja kepada ore [orang] ramai. (Lukman Mengangguk) Contohnya semua pembatik-pembatik kebanyakei [kebanyakan] pengusaha batik kerja dengan saya walaupun dia ada kile [kilang], dia ambik [ambil] barang saya, dia buat di kile [kilang] dia. (Lukman mengangguk). Daripada hasil itulah (itu lah) saya boleh mengeluarkan [mengeluarkan] dengan banyak dan saya boleh pasar atas bazar, semua-semua, bazar Tok Guru, di Tereng~ Terengganu. Kade-kade [kadang-kadang] customer [pelanggan] daripada Brunei pun pernah. (Lukman mengangguk)

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

L: Seterunya Cik, boleh ke Cik cerita serba sedikit pasal latar belake [belakang] pendidike [Pendidikan] pakcik mace [macam] sekolah [sekolah] mano [mana], tahun bila habis belajar, pastu (selepas itu) dulu ngaji [belajar] ambil kos gapo [apa]?

S: Ya belajar daripada darjah satu sampai darjah ene [enam] di Sekolah Kebangsaan Kor. Selepas itu saya sambung belajar di Sekolah Menengah [Menengah] Kadok. Kemudian ambik [ambil] daripada Sekolah Menengah Kadok, daripada tingkatan satu sampai tingkatan lima saya belajar di Sekolah Menengah Kadok, dan saya dapat SPM gred 2, selepas saya sambung pelajaran ke Maktab Kadir Adabi Kota Bharu, ambil STPM--. Lepas tu (itu) saya, setakat tu (itu) la dalam tahun 19~85 (1985). (Lukman mengangguk)

L: Boleh saya tahu pakcik ni (ini) dulu masa STPM ambil kos gapo [apa]?

S: Ekonomi.

L: Ekonomi (Sambil membetulkan kertas), adakah kos ekonomi tu (itu) berdasarkei [berdasarkan] minat ataupun ditawarkei [ditawarkan].

S: Minat, kos ekonomi ni meme [memang] minat saya sebab saya rancang untuk buat bisnes kei [kan]

L: Okey, bakpo [kenapa] kos tu (itu) menjadi pilihe [pilihan] Pakcik?

S: Sebab kos tu (itu) saya kira member-- kepentinge [kepentingan] bagi saya-- boleh uruskan pekerjaan saya tak-- semestinya saya bekerja dengan-- kerajaan jadi saya, benda ni (ini) saya boleh guna untuk diri saya, untuk bekerja sendiri.

BAHAGIAN C: KERJAYA TOKOH

L: Okey, seterusnya saya nak tanyalah kepada pakcik pasal pengalame [pengalaman] kijo [kerja] Pakcik dulu. Boleh ko [ke] Pakcik cerito [cerita] pasal apakah pekerjaan Pakcik dulu selepas tamat pengajie [pengajian]?

S: Selepas saya tamat pengajie [pengajian] saya bekerja mace-mace [macam-macam], saya pernah jadi koli [kuli] wak [buat] kerja wak [buat] rumah batu, Tarik kabel elektrik, tar jale [jalan] dan saya pernah mace-mace [macam-macam] lah saya wak [buat]. Selepas itu, akhir sekali saya mintak [minta] kerja kerajaan saya tak boleh saya pun kerja sebagai pengawal keselamatan di Hankyu Jaya. Daripada situlah saya boleh jumpa kembali dengan kawan-kawan saya yang lama seperti DZ, Saleem Aziz. Daripada sinilah doronge [dorongan] daripada kawan-kawan yang-- dan dia memberi semangat supaya saya ni (ini) mengikut jejak dia. (Lukman mengangguk) Membuat pengusaha batik. Daripada pengusaha batik ni (ini) saya (sambil menggerakkan tangan) teruskei [teruskan] sampai sehingga sekarang. (Lukman Mengangguk).

L: Okey, boleh saya tahu berapa tahun dulu Pakcik pernah kijo [kerja] sebagai pengawal keselamate [keselamatan] ni (ini)?

S: Saya bekerja sebagai pengawal keselamate [keselamatan] selama 5 tahun.

L: (Batuk)-- Boleh saya tahu Pakcik kijo [kerja] pengawal keselamate [keselamatan] tu (itu) di-- mana?

S: Di Hankyu Jaya, saya bekerja sebagai pengawal keselamatan pengawal keselamatan di Hankyu Jaya. Daripada sini, saya mendapat banyak pengalaman sebenarnya. Sebab di-
- tempat ore [orang] ramai kita boleh jumpa mace-mace [macam-macam], kawan-kawan, kita boleh-- amik [ambil] pengalame [pengalaman] hok [yang] dio [dia] ado

[ada], dia akan bagitahu kita. Daripada sinilah kita boleh membaiki diri kita daripada kita tidak tahu benda yang kita nak buat tu (itu) (Lukman Mengangguk)

BAHAGIAN D: MENGENAI BIDANG SENI WARISAN BATIK

L: Okey seterusnya pakcik boleh ke pakcik cerito [cerita] serba sedikit mengenai batik ni (ini) ? Mace (macam) definisi batik sendiri, jenis batik wak [Buat] pakcik wak [buat], pastu gak [selepas itu], mace [macam] behe-behe [bahan-bahan] untuk membuat batik?

S: Batik, definisi batik hok [yang] asas dia daripada kain putih kosong, daripada kain putih kosong tu kita-- guna lilin untuk-- mencorakkei [mencorakkan]-- daripada corak kita boleh warna untuk menjadikan dalam bentuk satu batik contohnya daripada kain pasang, baju kemeja dan batik ni (ini) dia terbahagi daripada banyak kategori contohnya batik cop (sambil menunjukkan cara mencanting batik menggunakan tangan), batik canting, batik lukis dan batik skrin lilin. Batik cop ni kita guna cop, batik skrin ni kita guna canting mencanting untuk mencorok [mencorak] batik diatas kain putih. Dan batik skrin ini, kita guna filem, guna design [reka bentuk] yang telah di reka khas untuk membentuk di--panggil blok. Blok untuk daripada blok ni kita dapat corok [corak] diatas kain putih.

L: Okey, boleh saya tahu jenis batik hok [yang] sokmo [selalu] buat?

S: Batik yang saya buat sekarang batik jenis canting, cop dan skrin. Buat masa sekarang saya tupu [tumpu] untuk batik skrin lilin. (Lukman mengangguk)

L: Okey, behe-behe [bahan-bahan] Pakcik selalu buat batik ni (ini) gapo sekalo [apa biasanya]?

S: Biasa batik ni (ini) kita guna lilin, kita guna rosen-- Dua jenis tu (itu) jah [sahaja].

L: Okey, dari segi bide [bidang] batik ni lah (ini lah) ado ko [ada ke] idola hok [yang] dale [dalam] bide [bidang] batik hok [yang] Pakcik-- jadikan dio [dia] sebagai idola?

S: Idola hanya kawan-kawan saya contohnya Saleem Aziz, DZ dan dia boleh-- maju sampai sekarang. (Lukman mengangguk)

BAHAGIAN E: PENGLIBATAN TOKOH DALAM WARISAN BATIK

L: Okey, seterusnya pakcik, boleh ko [ke] pakcik ceritokei [ceritakan] pasal pengalame [pengalaman] pakciklah dale [dalam] bide [bidang] wak [buat] batik ni (ini) mace [macam] tahun bilo [bila] pakcik start (mula) wak [Buat] batik ni (ini)?

S: Saya start (mula) membuat pengusahaan batik ni (ini) dalam tahun 19--97 (1997) (Kertas terjatuh) Saya buat batik ni secara kecil-kecile [kecil-kecilan], hanya saya buat daripada amik [ambil] upah-- contohnya hok [yang] Saleem Aziz, kawan-kawan saya, hok [yang] DZ jadi~, daripada asas ni lah (inilah) saya-- pun tengok income (pendapatan) tu (itu) dengan buat batik ni (ini) lebih daripada kerja lain. Dulu saya semasa start (mula) buat batik, saya hanya duduk rumah-- kayu buruk, pendapatan pun tidak seberapa. Daripada asas batik itu saya maju--, saya boleh guna income (pendapatan) saya tu boleh buat bangune [bangunan], boleh buat rumah, boleh buat kile [kilang]. Semua hok [yang] saya hendak tu (itu) saya boleh dan apabila dalam bide [bidang] batik ni (ini), kita boleh jumpa ore [orang] hok--[yang] high class (kelas tertinggi), ore [orang] hok--[yang] ado [ada] duit, pastu (selepas itu) dia pun kerjaya dia tu (itu) lebih maju daripada ore [orang] kijo [kerja] kerajae [kerajaan]. Pastu (selepas itu) dengan-- keadae [keadaan] inilah (inilah) saya-- boleh saya boleh mengikut jejak saing [kawan] saya tu (itu), jadi saya boleh hidup senelah [senanglah] sampai saya boleh bina semo [semua] yang saya nak kedai pun saya ada, rumah pun saya ada, saya boleh teruskan bisnes saya sampai sekarang (sambil tersenyum).

L: Okey, boleh pakcik cerito [cerita] dok [tak] bagaimana pakcik boleh terlibat dale [dalam] bide [bidang] batik ni (ini)?

S: Bide [bidang] batik ni (ini) hok [yang] sebenarnya saya-- dahulu saya hanya nak cuba-cuba sahaja (sambil tersenyum). Sebab saya minat meme [memang] saya takdok [tiada] minat asalnya, tetapi daripada doronge [dorongan] isteri saya.

L: **Okey, bagaimanakah reaksi ore [orang] sekeliling bila tahu pakcik ni (ini) buat-- batik ni? (ini)**

S: Masa mula-mula saya start (mula) buat batik ini ore [orang] sekeliling-- rumah saya ini meme [memang] pande-- rendohla [pandang rendah]. Dia kata buat batik ini susah-- pendapatate [pendapatan] pun tidak seberapa, pastu (selepas itu) apabila saya-- buat batik, apabila saya berjaya, jadi ore [orang] kawase [Kawasan] sekeliling itu perasae [perasaan] lain pulok [pula]. Dia ada mace-macelah [macam-macam]. Dia-- kata holah [ye lah] dia pande rendohlah [pandang rendahlah]. Tapi saya-- tekat dengan hati saya-- boleh maju dengan-- batik ini saya-- pun bertekad, kata diri saya-- akan tunjuk kepada keluarga saya, ore [orang] kampung saya bahawasanya saya tidak bekerja dengan kerajae [kerajaan] pun saya boleh hidup sene [senang]. Daripada tekad tulah [itulah] daripada saya buat kecil-kecile [kecil-kecilan] saya pun tambah pengeluare [pengeluaran] semakin hari semakin bertambah, semakin hari semakin bertambah. Apabila saya buat secara banyak ni (ini) saya pun pikir macam-- mana untuk mencari pasare [pasar], daripada tulah (itulah) saya berusaha mencari pasare [pasar] dengan doronge [dorongan] kawan-kawan saya contohnya Saleem Aziz, DZ. Dia perasae [perasaan] dia ni beri dorongan, dia tak—dok [tiada] rasa dengki, dia cara saya dia untuk kawan ni (ini) dia nak membantu, buke—[bukan] kata dia nak memusnahkan kawan dok (tidak). (sambil tersenyum).

L: Okey, boleh saya tahu dok [tak] pakcik ni (ini) dapat ilham ataupun dapat idea ni (ini) untuk bekarya daripada gano [bagaimana]?

S: Saya dapat idea daripada diri saya sendiri apabila doronge [dorongan] daripada isteri saya, denge [dengan] doronge [dorongan] diolah [dialah] saya pun mahu diri saya ni (ini) biar berjaya, saya tengok kawan-kawan saya boleh berjaya, ada rumah besar, ada kete [kereta] mewah [mewah], dengan pendapatan pun banyak [banyak]. Daripada asas disitulah saya ada semangat daripada semangat tu lah (itulah) tuhepun [tuhanpun] memberi rezeki kepada saya dengan semo [semua] hok [yang] saya-- ange-ange [angan-angan] semo [semua] jadi kenyataan. Saya boleh buat rumah, saya boleh pakai kereta mewah, saya boleh beli aset yang banyak dan saya boleh keduduke [kedudukan]-- (sambil senyum). Ore [orang] pun pande-- [pandang] kita ini tinggi doh la [dahla] (sambil senyum).

L: Dari-- sebanyak-banyak [sebanyak-banyak] teknik batiklah, hok mano [yang mana] pakcik raso [rasa] paling seleso [selesa] kalu [kalua] buatlah.

S: Batik skrin-- ini meme [memang] hasilnya meme [memang] lebih dari batik cop, lebih dari batik canting. Sebab batik skrin ni (ini) dio [dia] sene [senang], mudah, dari segi pasare [pasaran] pun kita boleh-- laju sebab pengeluare [pengeluaran] kita cepat.

L: Contohlah pasare [pasaran] hok [yang] pernah-- pakcik dapat tu mano [mana]?

S: Saya pasare [pasaran] saya seluruh Malaysia, Terengganu, KL (Kuala Lumpur), Brunei, Saboh Serawok [Sabah dan Sarawak]. (Lukman mengangguk)

L: Pernah dok [tak] pakcik eksport batik pakcik ni (ini) ke luar negaro [negara]?

S: Pernah ke Brunei, Singapore [Singapura].

BAHAGIAN F: PENCAPAIAN TOKOH

L: Okey, untuk soalan seterusnya, sepanjang pakcik buat batik ini boleh tak (tidak) pakcik cerita pasal pencapaian hok [yang] pernah pakcik dapat masa mula-mula buat batik dulu?

S: Pencapaian saya masa mula-mula buat batik dulu saya buat secara kecilan selepas itu bila saya dah sudah maju saya dapat tawaran contohnya, daripada pihak kerajaan jabatan penjara Malaysia, daripada--dan saya pernah buat tempahan--dekat itu akauntan negara saya pernah buat a-akauntan negara dalam--kain putih saja saya--guna dalam enam ratus ribu ringgit (RM600,000).

L: (menggantung tanda memahami)

S: untuk kain putih sahaja. Dan selepas tu (itu) saya pernah buat tempahan [untuk syarikat] kelapa sawit FGV (Felda Global Ventures). Daripada sini lah (hayun tangan) pihak kerajaan contohnya pihak penjara pihak universiti UiTM (Universiti Teknologi Mara, Malaysia) dan UMK (Universiti Malaysia Kelantan). Daripada sini contohnya, di UiTM (Universiti Teknologi Mara, Malaysia) saya pernah bagi markah untuk student (pelajar) dia (UiTM) untuk habis-- pelajar-student [pelajar] tahun akhir tu (itu) saya beri--markah dengan lecturer [pensyarah] di UiTM lah dan saya pernah beri markah (jadi juri) untuk pegawai-pegawai hok (yang) daripada jabatan penjara yang mari (datang) khusus di kilang saya. Dan saya pernah mendapat tawaran untuk-- jawatan ahli Lembaga Pengarah--kraf itu koperasi pembatik Kelantan- tapi saya dari pengalaman (pembuatan batik) ini semua saya tolak (daripada menjadi ahli lembaga pengarah) untuk kalau sa-saya pikir masa saya contoh apabila saya duduk dalam Lembaga pengarah masa saya sebab saya dah (sudah) sibuk kan (gerakan tangan) berhubung dengan orang ramai (tersenyum).

L: (mengangguk) Okey, antara banyak-banyak pencapain gapo [apa] pakcik rasa hok [yang] mana paling--besar sejak menceburi bidang ini?

S: Pencapaian hok [yang] paling besar saya buat-- tempahan daripada akautan negara dengan FGV (Felda Global Ventures) disitulah saya mendapat income [pendapatan] yang paling banyak sekali (tersenyum).

L: (mengangguk) Okey lah, apakah jenis batik hok [yang] pakcik rasa paling bernilai paling mahal hok (yang) pernah pakcik buat dalam (bunyi bising) bidang ni (ini).

S: (bunyi motor) saya pernah buat batik untuk dulu saya pernah buat batik untuk agong-
semasa Sultan Mizan [Sultan Terengganu]. Pastu (Selepas itu) bila jadi agung (Sultan
Mizan) saya pernah buat (batik) dengan kerjasama daripada batik Terengganu.

L: Boleh saya tahu ke berapa banyak kain batik hok [yang] pernah-hok [Yang] paling banyak pakcik buat dalam masa sari (sehari)?

S: Saya pernah saya buat daripada-buat masa sekarang saya buat dalam satu hari tu (itu)
dalam empat ratus pasang, lima ratus pasang--dalam satu hari (mengangguk) sebab
teknik saya ni (ini) lain daripada orang lain, Teknik skrin [teknik dalam penghasilan
batik], teknik lilin skrin ni memang payah lah, orang lain tak (tidak) buat, orang lain
hanya buat canting saja (sahaja) (tersenyum).

L: Boleh tak (tidak) pakik cerita pasal--perasaan pakcik bila (apabila) ngajar (mengajar) banduan--kepada banduan di penjara Kelantan?

S: zeezzzz(bunyi bising) saya perasaan saya memang saya rasa berpuas--hati lah, sebab
saya boleh bui [bagi] dorongan boleh (bagi) semangat supaya bila(apabila) dia keluar
nanti dia akan meng-baiki kehidupan dia tu (itu) daripada penagih dadah contohnya
daripada budak budak hok [yang] nakal-nakal lah daripada dia buat benda-benda

menyalahi undang undang kerajaan, jadi apabila dia duduk disana [dalam penjara] apabila saya pergi saya bagi nasihat, saya didik dia apabila keluar nanti saya izin mintak (berharap) dia akan jadi seperti orang biasa.

L: Okey! Apakah reaksi—pakcik lah ketika bila-- ketika batik pakcik ni (ini) capai (mencapai) ke pasaran luar?

S: Saya amat--ge-gembira sebab daripada ni (ini) lah saya boleh hidup senang, boleh tanggung semua keluarga saya dan--semua, kadang-kadang saya boleh membantu penduduk-penduduk kampung, sahabat-sahabat saya semua boleh boleh kita buat kerja dengan saya--jadi pada hasil tu (itu) lah, saya berasa diri saya ni (ini) ada harga, berharga (bernilai) untuk orang ramai

L: Okey! Berkenaan dengan idola tadi, adakah idola ni (ini) bagi inspirasi kepada pakcik masa (semasa) buat batik ini?

S: memey-memey [memang] saya idola-idola saya ni memey [memang] dia bui [beri] semangat untuk saya maju (dalam penghasilan batik) dan memey [memang] sepanjang masa saya buat batik dan sehingga sekarang dia masih berhubung dengan saya, seperti adik-beradik.

L: (menaganguk) Okey! pada pendapat pakcik sendiri gapo [apa] hok [yang] persiapan hok [yang] paling penting sekali sebelum menceburi bidang ni (ini).

S: Dia sebelum kita menceburi bidang batik ni (ini), kita kena ada tekad, kena ada azam yang kukuh sebab industri batik ini memey [memang] satu industri yang susah untuk kita ikuti sebab risiko dia tinggi dari segi pasaran, dari segi persaingan, dari segi-banyak, dia bermacam macam--benda kita-- boleh lakukan sebab daripada segi benda-benda ni (ini) lagu [macam] mana asas untuk kita bantu diri kita, bantu orang lain.

- L: Okey berdasarkan hok [yang] pakcik royak [cakap] tu (itu) risiko gapo [apa] hok [yang] paling bahaya sekali?**
- S: Risiko buat batik ni (ini)? risiko buat batik ni dari segi persaingan, dari segi harga persaingan, dari segi banyaklah-benda-benda hok [yang] daripada segi business [perniagaan] apabila ni business [perniagaan] tentu dia ada persaingan.
- L: Okey, soalan seterusnya, gapo [apa] cabaran hok [yang] pakcik hadapi masa mula-mula buka, masa mulakan perniagaan (batik) pakcik ni?**
- S: Masa mula--start (mula) perniagaan dulu memang susah lah, cabaran tu memey-memey [memang] tinggi dari segi persaingan kita dengan pembatik-pembatik lain, dari segi--barang barang luaran contohnya batik daripada indonesia, batik daripada vietnam, daripada india, daripada sini lah kita terpaksa tanggung risiko yang tinggi sebab apabila barang kita mungkin dari segi persaingan dalam jualan. jualan sebab batik ni (ini) kita terpaksa guna modal yang tinggi [banyak].
- L: (mengangguk) Okey. Boleh pakcik cerita serba sedikit pengalaman pakcik masa (semasa) berurusan dengan UiTM Machang.**
- S: Semasa, pengalaman saya semasa buat urusan dengan uitm machang memey [memang] saya berasa bangga la (lah), bangga diri saya ni (ini) sebab saya boleh dari tahap saya rendah, daripada tahap saya hanya jaga supermarket [pasaraya], sampai tahap saya boleh bergaul dengan pihak profesor, pensyarah, dan semua orang-orang hok [yang] berkedudukan [berpangkat] la (lah).
- L: (mengangguk) Okey, tahun bila tu (itu), semasa pakcik berurusan dengan Uitm Machang?**
- S: Sembilan belas--1920

L: 1920?

S: Eh, Sembilan belas, sepuluh tahun.

L: Sepuluh tahun--2010.

S: 2010 gitu (begitu) lah.

L: Masa (semasa) pakcik berada di uitm machang tu (itu) pakcik mengajar di kawasan (kursus) mana?

S: Bahagian seni, bahagian-- kraf, seni kraf batik.

L: Boleh tak (tidak) pakcik cerita pasal tempat pakcik niaga (berniaga).

(bunyi telefon)

S: Tempat biasa barang-barang saya ni (ini) saya bawa naik di Kota Bharu, memang seluruh Kota Bharu, contoh hantar ke Bazar Tok Guru, Bazar Buluh Kubur, Bazar Tengku Anis, Pasar Siti Khadijah semua di Tanah Merah, di kedai Machang, saya supply [membekalkan] barang untuk kedai-kedai.

L: Pakcik supply [bekalkan] tu (itu) batik hok [yang] sudah siap dah ke (atau) kain putih sahaja?

S: Biasa saya supply [bekalkan] belaka [semua], contohnya daripada kain putih, supply [bekalkan] batik hok [yang] siap semua saya supply [bekalkan], batik hok [yang] belum siap pun saya supply [bekalkan]. batik yang belum siap ni contohnya dalam bentuk kain, kain pasang, baju kemeja, baju tidur-jubah, blouse [blaus].

L: Pakcik ada kedai ke dekat bazar tok guru semua itu?

S: saya ada kedai atas pasar siti khadijah saja (sahaja). walaupun saya tidak ada kedai atas (dalam) bazar tok guru semua tu, barang-barang saya letak untuk--tuan punya kedai tu (itu) buat [menjalankan] business (perniagaan) la (lah).

L: Okey. Paling banyak sehari pakcik boleh supply (bekalkan) berapa agak-agak?

S: Dalam lima ratus pasang boleh [bekalkan] satu hari.

L: Biasanya pakcik supply [bekalkan] tu (itu), perniaga mari (datang) sini ke pakcik bawa pergi sana [tempat menjual]?

S: Dia kadang-kadang contohnya perniaga-perniaga atas (dalam) bazar itu datang mari sini dan kadang-kadang saya hantar.

L: (Menggantung) Kiranya pakcik hantar tu (itu) pakai lori ke?

S: Dok [tidak], guna kenderaan saya, guna van ataupun Ford Rangers.

L: Okey, boleh dok [tidak] pakcik cerita pengalaman pakcik masa buat pameran batik ini?

S: Semasa saya buat batik ni (ini) memang kita rasa gembira lah sebab dari segi kita dapat income [pendapatan] dari segi customer [pelanggan] pun kita dapat, customer [pelanggan] yang baru apabila kita buat promosi batik ni. memey [memang] biasa orang akan mari (datang) ramai daripada biasa.

L: Dimana pakcik buat batik tu (itu)...eh...sorry [maaf], dimana pakcik buat pameran batik tu (itu)?

S: Saya pernah buat batik, pameran batik di KL (Kuala Lumpur) lepastu di--KL, di Johor Bharu pastu (selepas itu) di Pulau Pinang.

L: Yang paling terbaru dimana pameran pakcik buat?

S: Terbaru dalam bulan ini, insyaAllah saya akan buat di Kedah, di Sungai Petani, Kedah.

L: Okey, yang itu (pameran) baru nak (hendak) buat ke?

S: Baru--nak start [mula] sebab dia bangunan dia lama, bangunan dia ni (ini) bangunan dia buat batik tapi dia tidak guna, saya akan pergi guna, jadi buka balik lah (bangunan) batik itu.

L: Okey, agak-agak kalau nak pergi buat pameran tu pakcik ready [sediakan] berapa pasang [batik]?

S: Biasa dalam-ratus--pasang, lima ratus pasang, enam ratus pasang jadi kita terpaksa guna modal dalam banyak ratus ribu lah, dalam RM200,000, RM300,000 juga tu.

L: Sekalo [selalu] nya kan, musim covid-19 ni, agak-agak pameran itu boleh berjalan lancar ke [dok] tidak?

S: InsyaAllah lah sebab kita--akan buat pameran kita akan mengikut SOP [Garis Panduan &

L: Okey, boleh saya tahu tak semasa pameran batik tu pakcik pakai berapa orang (pekerja)?

S: Biasanya ramai lah, sebab--saya kalau kita pakai pekerja tidak ramai kita takdan (tidak sempat) nak (hendak) urus, takdan [tidak sempat] nak (hendak) layan customer [pelanggan] kita-dalam lima belas orang biasa [guna pekerja].

L: Masa pameran batik tu sehari paling banyak boleh jual berapa agak-agak?

S: Dia atas--kedatangan customer [pelanggan], kadang-kadang banyak, kadang dua puluh ke tiga puluh ribu (pendapatan) sehari sahaja.

- L:** Customer [pelanggan] tu (itu) kebanyakannya beli borong ke beli sepasang?
- S: Customer [pelanggan] biasanya ada beli cara detail [terperinci] [beli secara sepasang-sepasang] ataupun cara borong pun ada. dia mengikut customer [pelanggan] contoh kalau customer [pelanggan] high-class [kelas tinggi] dia beli cara lain (tersenyum).
- L:** Biasanya kalau nak (hendak) beli dengan pakcik ni (ini) boleh bayar online [atas talian] ke bagi duit tangan [bayaran tunai] gitu [begitu]?
- S: Boleh belaka [semua], transfer [pemindahan] [secara atas talian] boleh cara manual- [tunai] pun boleh.
- L:** Okey, boleh saya tahu tak (tidak) berapa ramai pekerja hok [yang] pakcik pakai masa dekat kilang batik pakcik sendiri?
- S: Biasa pakai tidak ramai cuma saya beri sub untuk kilang-kilang lain.
- L:** Kira bagi supply [bekalkan] la (lah)?
- S: (mengangguk) Haah [setuju] supply [bekalkan] [kepada] kilang-kilang yang lain. jadi dengan cara ni saya boleh--mengembangkan lagi [perniagaan batik]. selepas itu produk tu (itu) kita boleh keluar dengan banyak. kalau kita buat hanya di satu kilang memang tidak boleh nak (hendak) keluar dengan banyak produk.
- L:** Kilang di negeri mana pakcik rasa paling banyak boleh [hasilkan produk]?
- S: Di Kelantan lah, Kelantan paling banyak sebab biasa orang Kelantan dia ini ramai yang minat batik.

BAHAGIAN G: PENDAPAT DAN NASIHAT TOKOH

- L:** (mengangguk) Okey, akhir sekali ni (ini) boleh ke pakcik bagi pendapat ataupun nasihat pakcik sendiri kepada orang hok [yang] baru nak (hendak) mula buat [mengusakan] dalam bidang batik ini?
- S:** Bagi saya--nak beri pandangan bagi orang yang baru-baru nak buat batik ni dia kena tempuhi banyak risiko sebab batik ni (ini) bukan boleh buat dengan mudah walaupun dia menjana pendapatan yang tinggi dia kena ada modal yang banyak, lepas itu kena ada kenalan yang ramai, lepas itu kita kena ada jati diri, kita kena ada semangat, lagu [macam] mana saya nak (hendak) berjaya (tersenyum) dan saya harap dari segi modal yang tu saya kira dalam nombor tiga atau nombor empat. dia nombor satu semangat kita, kejujuran kita [dalam berniaga].
- L:** Okey, apakah nasihat pakcik kepada masyarakat supaya dapat menghargai lagi seni batik ni (ini)?
- S:** Dia bagi saya untuk menghargai seni batik ni kita terpaksa mendapat sokongan daripada pihak kerajaan daripada orang ramai dan kita tidak rasa batik ni (ini) sebagai-hanya sebagai (menganggap secara) sambil lewa atau sebagai sampingan. Kita kena utamakan batik-batik Malaysia daripada batik Indonesia, batik daripada Vietnam, batik daripada China. Kita kena tumpukan, biarlah pihak kerajaan tumpukan untuk batik original (asli), sebab dengan ada batik-batik daripada luar ni sebagai saingan untuk pembatik-pembatik yang original (asli) dalam negeri kita batik Malaysia.
- L:** Okey, boleh saya tahu tak apa beza batik Malaysia ni (ini) dengan batik daripada luar negara?

- S: Batik Malaysia ni (ini) dia memang istimewa, dia--sebab dia original (asli) kita guna lilin kita guna manual guna tangan bukan guna mesin. batik-batik daripada luar negara dia guna mesin, barang dia boleh keluar barang dengan banyak, cepat dan barang ini akan banyak berada di seluruh pasaran, seluruh dunia dia ada.
- L: Okey, agak-agak pakcik batik mana yang lebih berkualiti, batik daripada Malaysia ataupun luar negara?**
- S: Dia dari segi kualiti memang batik daripada Malaysia dia lebih berkualiti sebab seni, dia ada kesenian. Batik luar negara ni dia hanya batik tiruan, dia guna kain pun kain murah (batuk) lepas itu cara kerja dia pun guna mesin.
- L: Okey, jenis kain batik yang paling molek [elok] sekali kain apa ya?**
- S: Kain batik paling molek [elok] sekali ia kain satin, kain paling molek [elok] kain Satin lepastu kain Krip, Jacob, cotton [kapas]. _Dia bermacam-macam material [bahan] kain putih dia (batuk).
- L: Boleh pakcik bagi pandangan batik pada masa hadapan akan jadi macam mana?**
- S: Bagi saya, bagi pandangan saya batik untuk--pada masa hadapan batik ini dia akan jadi lebih maju tapi kita kena ada bantuan daripada pihak-pihak kerajaan, daripada orang ramai, daripada masyarakat setempat daripada rakyat, daripada seluruh rakyat Malaysia tidak kira bangsa apa-pun Melayu ke China ke India ke semua seluruh bangsa dia kena ada semangat bagaiman untuk menaikkan taraf batik malaysia dan kita tidak perlu duk [duduk] sanjung batik-batik tiruan daripada luar negara.
- L: Apakah contoh pertolongan daripada kerajaan yang mampu menaikkan bidang batik ni (ini) pada masa hadapan?**

S: Contohnya kerajaan terpaksa kena beri bantuan kepada pembatik, beri...beri pengetahuan yang lebih lagi contohnya dari segi urus [pengurusan], dari segi untuk jualan, dari segi gerak kerja, dari segi pemasaran, dari segi material [bahan] kain, dari mana kita nak (hendak) dapat kain yang lebih murah dan berkualiti. benda ni kita terpaksa minta kerjasama daripada pihak kerajaan sebab kita pembatik biasa kita tidak tahu dimana sumber-sumber ni (ini) datang.

L: Okey, pakcik ada kedai online (atas talian) ke?

S: Ada

L: Ada? Shopee ke?

S: Dalam shopee pun ada. banyak lah benda-benda ni saya serah pada anak-anak saya buat kerja urus [mengurus], buat business [perniagaan] dalam shopee dalam online (atas talian] ke.

L: Pada pandangan pakcik mana okey (sesuai) online [atas talian] ataupun jual depan-depan [secara fizikal]?

S: Dia buat masa sekarang masa Covid-19 memang lebih daripada jual online [atas talian] la (lah)sebab sambutan orang ramai pun lebih dari jual secara online [atas talian] dari jual secara depan (Jualan secara fizikal).

L: Okey, Covid ni lagu [macam] mana dengan business [perniagaan] pakcik ni? okey ke tak (tidak)?

S: Masa Covid ni (ini) memang risiko tinggi. lepastu business [perniagaan] pun tidak seperti dulu lah sebab terhad dari segi pergerakan terhad, dari segi sambutan orang ramai pun sebab customer [perlanggan] ni (ini) dia duduk jauh-jauh bukan kata duduk

dekat contohnya daripada luar negeri merata-rata. Jadi perhubungan kita dengan customer [pelanggan] kita memang susah.

L: Okey masa musim Covid ni (ini) kedai pakcik beroperasi ke dok (tidak)?

S: Musim Covid memang saya tutup lah. Sebab saya saya sendiri pun memang takut-takut benda ni (ini) kita tidak jangkakan

L: Kita tidak nampak. Kalau kedai pakcik tutup pakcik bagaimana pakcik menjalankan business [perniagaan] pakcik hari-hari?

S: Guna cara online [atas talian] la (lah), customer (perlanggan) mari (datang) ambil di kilang lah.

L: Okey, boleh tak (tidak) saya tahu perancangan pakcik pada masa hadapan dalam bidang buat batik ni?

S: perancangan saya--lebih saya mahu batik ni lebih maju lagi lah. sebab saya dengan umur saya nim(ini) saya akan serah pada anak-anak, dialah (anak) akan merancang kan? sebab orang hok-hok [yang] muda-muda ni (ini) dia ada pengalaman dia ada ilmu, dia belajar sampai peringkat universiti, pengalaman dia pun lebih. saya ni (ini) hanya untuk beri sokongan, dorongan daripada pengalaman saya--akan ubah untuk anak-anak saya, dan saya harap benda [perniagaan] ni (ini) apabila dia ambil dia akan jadi lebih maju lagi lah.

L: Okey, pada pandangan pakcik lah mana lagi penting buat batik ni (ini) belajar sahaja ke ataupun belajar dengan buat?

S: Dia batik ni (ini) kena belajar kena buat. apabila kita belajar atas buku kita tidak tahu nak buat macam mana. contohnya student [pelajar] yang belajar di uitm (universiti teknologi mara, malaysia) ke umk (universiti malaysia kelantan) ke ambil bidang batik

hanya dia belajar atas buku kerana dia tidak buat dia memang tak akan tahu apa dia batik tu. Dia tahu hanya belajar buat batik (tersenyum).

L: Okey, [gapo] apa lagi cita-cita pakcik untuk dalam bidang batik ni?

S: Cita-cita saya mahu biar lebih maju lagi saya mahu buat bangunan (kedai) lebih besar lagi dan kilang lebih besar lagi, pekerja lebih ramai lagi, pasaran lebih luas lagi itu je cita-cita saya (tersenyum).

L: Okey, setakat ni lah, apa Covid ni (ni) boleh bagi effect (kesan) kepada perniagaan pakcik?

S: Memang masa covid ni memang saya effect [kesan] saya memang banyak la. Dari segi pasaran, dari segi bahan mentah untuk sebab bahan mentah ni kita import daripada luar negara bukan di Malaysia. Dari segi kos memang tinggi. Semua tu kita terpaksa guna duit yang lebih, guna income [pendapatan] yang lebih, lepastu income [pendapatan] lani [sekarang] dari segi income [pendapatan] memang lebih rendah daripada sebelum Covid dan kebanyakan kedai-kedai hok [yang] biasa memang tutup jadi kedai-kedai kecek [kecil] batik memang tutup habis.

L: Tak (tidak) dapat nak survived [bertahan] la (lah)?

S: Tak (tidak) dapat sebab barang-barang pun orang tak (tidak) dapat nak (hendak) supply [bekalkan], lepastu (selepas itu) duit modal pun kadang-kadang tu (itu) terguna.

L: Boleh pakcik cerita tak (tidak) bahan apa pakcik import daripada luar negara?

S: Bahan yang saya import daripada itu contohnya daripada _ Indonesia ataupun Vietnam, kain putih daripada negara China ataupun Indonesia ataupun India.

L: Agak-agak pakcik lah kan lepas dari musim Covid ni (ini) perniagaan pakcik boleh naik [stabil] lagi ke agak-agak?

S: InsyaAllah. Dalam apabila lepas Covid nanti tentulah perniagaan akan naik lagi sebab lani [sekarang] pun sambutan orang...(mengangkat panggilan telefon) semakin laju.

L: Okey, sekali lagi saya ingin berterima kasih lah kepada pakcik sanusi ni (ini) yang hok [yang] banyak menceritakan pengalaman hidup pakcik, banyak memberi, meluangkan masa bersama kami. Membantu kami dalam sesi temubual ataupun Interview [temubual] ini bagi memenuhi tuntutan assignment [tugasan] subjek untuk semester kali ini. Tidak lupa juga kepada keluarga pakcik yang banyak membantu saya dalam urusan untuk melancarkan lagi interview [temubual] kita pada hari ini. Sehingga kita berjumpa lagi jika diberi kesempatan. Terima kasih banyak deh [ya].

S: Sama-sama.

L: Akhir kata daripada pakcik?

S: Dan akhir kata daripada saya mahu student-student [pelajar-pelajar] yang belajar itu gunalah ilmu yang dibelajar itu untuk masa depan dia. Jangan belajar ilmu untuk hanya sekadar saja-saja, masuk Universiti paksa kita kena guna, kita guna untuk kepentingan diri kita masa depan dan orang ramai. Hanya tu (itu) lah nasihat saya dapat berikan. Sekian terima kasih lah

L: Okey, terima kasih pakcik deh [ya]

S: Sama-sama.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Lukman Hakim bin Zuhari telah menemubual Mohammad Sanusi bin Mohammad, yang dilahirkan pada tahun 1965 di Kampung Kor, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dijalankan pada 15 November 2021 pada jam 12.00 tengah hari, mengenai mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan beliau dalam bidang pengusahaan batik.

BAHAGIAN: PENGENALAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.14	Sesi Pengenalan	Lukman Hakim bin Zuhari Muhammad Zulhilmi bin Razali Mohammad Sanusi bin Mohammad UiTM Machang SNS Batik

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.10	Sesi pengenalan diri Encik Muhammad Sanusi bin Muhammad	Mohammad Sanusi bin Mohammad 1965 Kampung Kor
1.45	Menceritakan tentang adik beradik beliau	10 orang adik beradik
2.00	Menceritakan tentang isteri dan anak-anak beliau	Roslina binti Mohammad Ariffin 5 orang anak
3.15	Menceritakan tentang cita-cita beliau dan pengalaman kerja beliau	SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) Gred 2 STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) Inspector Polis Guru Penguatkuasa JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) Guard Hankyu Jaya DZ Saleem Aziz UMK (Universiti Malaysia Kelantan) Bazar Tok Guru Terengganu Brunei

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
7.05	Latar Belakang pendidikan	Darjah Enam Sekolah Kebangsaan Kor Sekolah Menengah Kadok Tingkatan satu Tingkatan lima SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) Gred 2 Maktab Kadir Adabi Kota Bharu STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) 1985
7.00	Menceritakan tentang kos di STPM	Ekonomi Bisnes

BAHAGIAN C: KERJAYA TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
9.05	Pengalaman kerja beliau	Kuli Tarik Kabel Elektrik Tar Jalan Hankyu Jaya Pengawal Keselamatan DZ Saleem Aziz
10.20	Tempoh bekerja beliau dahulu	5 Tahun Pengawal Keselamatan

BAHAGIAN D: MENGENAI BIDANG SENI WARISAN BATIK

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
11.30	Encik Muhammad Sanusi bin Muhammad menceritakan tentang batik	Kain putih kosong Lilin Batik Cop Batik Lukis Batik skrin lilin Filem Blok
12.15	Menceritakan tentang teknik batik yang menjadi kegemaran beliau	Batik Canting Batik cop Batik skrin lilin
12.28	Menceritakan tentang bahan untuk menghasilkan kain batik	Lilin Rosen
3.15	Menceritakan tentang idola beliau dalam bidang batik	Saleem Aziz DZ

BAHAGIAN E: PENGLIBATAN TOKOH DALAM WARISAN BATIK

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
14.30	Encik Muhammad Sanusi bin Muhammad menceritakan tentang penglibatan beliau dalam bidang pembuatan batik.	1977 Saleem Aziz DZ Income Kilang High Class
17.30	Menceritakan tentang ilham untuk membuat batik	Dorongan Isteri Rezeki Angan-angan Aset
17.59	Menceritakan tentang teknik yang beliau selesa dalam penghasilan batik	Batik Skrin Batik cop Batik canting
18.30	Menceritakan tentang pasaran yang pernah beliau tempuhi	Terengganu Malaysia KL (Kuala Lumpur) Brunei Sabah dan Sarawak Singapore (Singapura)

BAHAGIAN F: PENCAPAIAN TOKOH

Masa	Subjek	Nama/Tempat/Rujukan
	Bahagian : Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan	
18:45	Tokoh Pencapaian/Penganugerahan dan Sumbangan	Jabatan Penjara Malaysia Akauntan Negara RM600,00 Felda Global Ventures Universiti Teknologi Mara, Malaysia Universiti Malaysia Kelantan Mendapat Tawaran Pensyarah Ahli Lembaga Pengarah Kraf
21:02	Pencapaian yang tokoh rasa paling besar sejak menceburi bidang ini?	Tempahan daripada akauntan negara dan FGV Pendapatan paling banyak
21:52	Berapa banyakkah hasil batik dapat dijual (dalam masa sebulan atau sehari?)	Dalam sehari 400-500 pasang Teknik lilin skrin Canting
22:27	Bagaimanakah perasaan tokoh apabila mendapat peluang mengajar seni batik kepada banduan di penjara di Kelantan	Beri dorongan Penagih dadah Undang-undang kerajaan Didik
23:21	Reaksi tokoh apabila batiknya masuk ke pasaran luar	Gembira, Keluarga Penduduk Kampung Berharga kepada orang ramai
24:07	Menceritakan idola yang memberi beliau inspirasi	Semangat Adik-beradik

BAHAGIAN G: PENDAPAT DAN NASIHAT TOKOH

Masa	Subjek	Nama/Tempat/Rujukan
	Bahagian: Pendapat/Pandangan/Nasihat/Penceritaan	
24:35	Persiapan terpenting bagi mereka yang ingin menceburi bidang ini	Tekad Azam Risiko Pasaran Persaingan Industri
25:31	Memberi pendapat berkaitan risiko perusahaan batik	Persaingan Harga Perniagaan
26:03	Cabaran yang dihadapi oleh tokoh semasa memulakan perniagaan batik ini?	Persaingan sesama pembatik Batik luar negara Indonesia Vietnam India Modal
26:57	Menceritakan pengalaman semasa berurusan dengan pihak UiTM Machang	UiTM Machang Supermarket Profesor Pensyarah Berkedudukan
27:35	Tahun berurusan dengan pihak UiTM Machang.	2010
28:09	Kursus yang diajar	Kraf Seni Batik
28:23	Menceritakan tentang tempat berniaga	Kota Bharu ke Bazar Tok Guru Bazar Buluh Kubur Bazar Tengku Anis Pasar Siti Khadijah Tanah Merah Machang Bekalkan
28:55	Jenis batik yang dibekalkan	Kain Putih Batik yang dah siap dan belum siap Kain pasang

		Baju kemeja Baju tidur Jubah Blaus.
29:23	Kedai di Bazar Tok Guru	Pasar Siti Khadijah Bekalkan barang untuk berniaga Bazar Tok Guru
29:47	Jumlah batik yang dibekalkan dalam sehari	500 pasang
29:57	Bagaimanakah bekalan batik itu dihantar?	Perniaga datang ambil Hantar kepada peniaga Van Ford Rangers
30:29	Tokoh Menceritakan pengalaman semasa pameran batik	Pendapatan Pelanggan Promosi
31:03	Tempat pameran batik	Kuala Lumpur Johor Bharu Pulau Pinang Sungai Petani, Kedah
31:53	Jumlah batik yang perlu disediakan untuk pameran	500-600 pasang Modal RM200,000 RM300,000
32:13	Bagaimanakah pameran batik boleh dilaksanakan dalam musim Pandemik Covid-19	SOP Covid-19
32:32	Jumlah pekerja ketika pameran	15 belas orang
32:54	Jumlah jualan sehari ketika pameran batik diadakan	RM20,000 ke RM30,000
33:12	Cara pembelian	Borong Detail High-class

		Online Manual Transfer
33:49	Jumlah pekerja di kilang batik	sub
34:26	Kilang yang paling banyak mengeluarkan produk	Kelantan
34:37	Pendapat dan nasihat untuk pengusaha baru bidang batik.	Banyak risiko Kenalan Semangat Kejujuran
35: 40	Nasihat untuk menghargai seni batik	Sokongan pihak Kerajaan Utamakan batik tempatan Malaysia Vietnam China Original
36:45	Perbezaan batik dalam dan luar negara	Guna tangan Penggunaan mesin Seni Krip Jacob Cotton
38:13	Masa depan industri batik	Maju Pihak Kerajaan Malaysia China India Taraf batik
39:05	Bantuan kerajaan untuk menaikkan industri batik	Pengetahuan Pemasaran Sumber-sumber berkualiti
40:00	Kedai atas talian	Shopee
40:19	Platform jualan yang lebih selesa	Online Fizikal
40:50		Pergerakan terhad

	Kesan pandemik Covid-19 terhadap perniagaan batik	Sambutan pelanggan
41:54	Perancangan untuk perusahaan batik pada masa hadapan	Anak-anak Ilmu Dorongan Maju
42:42	Kepentingan belajar seni batik secara praktikal dan teori.	Pelajar UiTM Buku
43:14	Cita-cita dalam bidang batik.	Maju Pasaran luas
43:40	Kesan pandemik Covid-19 terhadap perniagaan.	Import Bahan mentah Kos tinggi
44:41	Menerangkan bahan yang dimport daripada luar negara	Indonesia Vietnam Kain putih China India
45:03	Pendapat tokoh tentang perniagaan batik selepas musim Pandemik Covid-19	Semakin meningkat
45:23	Sesi Penutupan	

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2:00 PM	14/10/2021	Pembentangan tajuk kajian sejarah lisan oleh Puan Kamariah dan membentuk kumpulan yang terdiri daripada dua orang	Kumpulan telah ditubuhkan dan membincangkan tajuk kajian.
2:00 PM	20/10/2021	Membuat carian mengenai tokoh seni warisan dan berbincang dengan pensyarah	Encik Sanusi telah dipilih sebagai tokoh seni warisan batik
2:00 PM	4/11/2021	Mengusulkan tokoh warisan seni Batik kepada Puan Kamariah	Puan Kamariah bersetuju dengan pemilihan kami
12:00 PM	6/11/2021	Mendapatkan nombor Encik Sanusi daripada kenalkan kami	Beliau bersetuju untuk berhubung dengan Encik Sanusi
2.00PM	10/11/2021	Menghubungi Encik Mohammad Sanusi	Untuk mendapatkan Tarikh temu bual
12.00 PM	15/11/ 2021	Sesi temubual dilakukan	Temubual di adakan di rumah beliau di Kampung Kor
3.00 PM	15/11/2021	Temubual Selesai	Kami berterima kasih kepada Encik Muhammad Sanusi bin Mohammad kerana meluangkan masa bersama kami

SENARAI SOALAN

PENGENALAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang, anugerah dan sumbangan seorang tokoh dalam pengusahaan batik. Bersama-sama kami ialah Encik Mohammad Sanusi Bin Mohammad yang merupakan seorang tokoh perusahaan batik di Kelantan dan Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 November 2021 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 12.00 tengah hari di halaman rumah beliau, Kampung Kor, Kota Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Lukman Hakim bin Zuhari dan Muhammad Zulhilmi bin Razali yang tidak dapat hadir kerana berjauhan dengan lokasi temubual. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

- Apakah nama penuh tokoh?
- Bilakah tokoh dilahirkan?
- Di manakah tokoh dilahirkan?
- Di manakah tokoh dibesarkan?
- Berapakah bilangan adik beradik tokoh?
- Iubapa tokoh bekerja sebagai apa?
- Bilakah tokoh berkeluarga?
- Nama isteri tokoh?
- Kerjaya isteri tokoh?
- Bilangan anak-anak tokoh?
- Apakah cita-cita encik sewaktu kecil selain daripada bidang ini?

BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Apakah nama sekolah rendah tokoh
- Apakah nama sekolah menengah tokoh?
- Tahun bilakah encik menamatkan zaman persekolahan?
- Tahun bilakah tokoh memulakan pengajian peringkat tinggi
- Tahun bilakah tokoh menamatkan pengajian tokoh?
- Apakah kos yang tokoh ambil?
- Adakah tokoh memilih kos tersebut berdasarkan minat atau ditawarkan?
- Mengapa kos tersebut menjadi pilihan
- Cabaran dalam perjalanan pengajian/ pengalaman yang dapat dikongsikan
-

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJA/KERJAYA

- Apakah Pekerjaan selepas tamat pengajian
- Berapa lamakah encik bekerja dalam bidang tersebut?
- Apakah nama tempat (syarikat) tokoh berkhidmat
- Berapa tahun encik terlibat dalam bidang ini.
- Apakah bidang tugas yang tokoh lakukan
- Mengapakah nama SNS batik menjadi pilihan sebagai nama syarikat encik?

BAHAGIAN D: MENGENAI BIDANG SENI WARISAN BATIK

- Apakah itu definisi bidang seni warisan batik?
- Apakah jenis batik yang tokoh hasilkan?
- Apakah jenis atau bahan yang digunakan dalam proses pembuatan batik?
- Apakah teknik yang digunakan terhadap proses pembuatan batik tersebut?
- Apakah jenis teknik pembuatan batik yang tokoh fokus dan mengapa?
- Siapakah tokoh warisan batik yang di jadikan sebagai idola tokoh?

BAHAGIAN E: MENGENAI PENGLIBATAN TOKOH DALAM WARISAN BATIK

- Bilakah tokoh mula melibatkan diri dalam bidang?
- Bagaimana tokoh terlibat dalam bidang ini?
- Bagaimanakah reaksi orang sekeliling apabila mengetahui tokoh menceburi bidang ini?
- Bagaimanakah tokoh mendapat ilham untuk berkarya?
- Antara semua teknik batik yang dihasilkan, yang manakah paling selesa buat tokoh? Mengapa?

BAHAGIAN F: PENCAPAIAN /PENGANUGERAHAN DAN SUMBANGAN

- Apakah pencapaian yang tokoh rasa paling besar sejak menceburi bidang ini?
- Apakah jenis batik yang dihasilkan oleh tokoh yang dirasakan paling bernilai?
- Berapa banyakkah hasil batik dapat dijual (dalam masa sebulan atau sehari)?
- Bagaimanakah perasaan tokoh apabila mendapat peluang mengajar seni batik kepada banduan di penjara di Kelantan?
- Apakah reaksi orang seni dari pasaran luar?
- Melalui hasil karya seni ini, apakah pandangan yang masyarakat perlu lihat?
- Adakah encik mempunyai idola yang menjadi inspirasi bagi encik dalam menghasilkan batik?
- Pada pendapat encik, apa persiapan yang penting yang perlu dilakukan sebelum menceburi bidang ini?
- Apakah cabaran yang dihadapi masa mula-mula memulakan perniagaan encik?

BAHAGIAN G: PENDAPAT /PANDANGAN/ NASIHAT

- Pada pandangan tokoh, adakah semua orang boleh menceburi bidang ini?
- Apakah nasihat tokoh kepada masyarakat supaya menghargai seni warisan batik?
- Apakah pandangan tokoh terhadap warisan batik pada masa hadapan?
- Boleh saya tahu apakah perancangan encik pada masa hadapan dalam bidang ini?

BAHAGIAN PENUTUP

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai latar belakang, pengalaman kerja dan sumbangan Tuan Encik Mohammad Sanusi Bin Mohammad sebagai pemilik perusahaan batik di Kelantan. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam seni warisan batik generasi pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

SENARAI GAMBAR


GAMBAR



Gambar 1: Encik Sanusi bersama Isterinya




Gambar 2: Batik yang dijual oleh Encik Sanusi



Gambar 3: Batik yang dijemur



Gambar 4: Proses membuat batik



Gambar 4: Proses membuat batik

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MUHAMMAD SAMUHI BIN MUHAMMAD
K/P: 65 01 07 03 **** pada 15 NOVEMBER 2021 dengan ini
bersejua dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan
Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/ tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama peserta kajian: MUHAMMAD SAMUHI BIN MUHAMMAD
Tarikh: 3/2/2022

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik
b.p. Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA.